

TARIKH	23 / 11 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	85	RUANGAN	Arena

## Kelab TaHa anjur Futsal Sekolah Menengah, IPT

**K**ELAB TaHa dan TaHa@U BH. & TH akan menganjurkan kejohanan Futsal Antara Sekolah Menengah dan Antara Universiti di Galaxy Futsal Bangi, hujung minggu ini.

Sehubungan itu, orang ramai dijemput menyertai kejohanan dua hari yang bermula esok, bagi memenangi hadiah lumayan keseluruhan, RM12,000 yang ditawarkan.

Pertandingan ini terbuka kepada semua warganegara Malaysia yang menjadi ahli

Kelab TaHa atau TaHa@U. Bagi yang belum, mereka boleh mendaftar secara percuma di Galaxy Bangi esok.

Yuran RM80 dikenakan bagi peringkat universiti dan RM50, sekolah menengah dengan setiap peserta diberikan baju-T dan sijil penyertaan.

Orang ramai dijemput hadir untuk memberi sokongan dan memeriahkan pertandingan. Acara itu juga akan diserikan dengan penyanyi jemputan.